4. **Bless Malaysia with gracious blessings and radiant hope.** May Your gracious blessings flow upon our land like a gentle rain, nurturing both the land and its people. Shower us with Your mercy, kindness, and understanding. Make Your face shine upon us, O Lord, as a symbol of Your favour and presence, dispelling darkness and bringing hope and healing to every corner of our land.
5. **Bless Malaysia with the proclamation of Your ways and saving power.** Enable us, O Lord, to mirror Christ, and to proclaim Your Gospel boldly through our words, actions and deeds. Let Malaysia be a living testament to Your love, where justice, compassion, and humility flourish, and Your saving power among the nations.

Heavenly Father, we offer this prayer with open hearts and a deep love for our nation. May Your blessings continue to flow upon Malaysia, making it a beacon of hope and righteousness for all to see. In the beautiful, wonderful and powerful name of Jesus Christ our Lord, we pray. Amen.




BE STILL

DELIBERATELY PAUSE FOR A MOMENT, breathe deeply, thank God for His presence and release into His hands all that you have prayed.

"...but they who wait for the Lord shall renew their strength; they shall mount up with wings like eagles; they shall run and not be weary; they shall walk and not faint. " - Isaiah 40:31 ESV

BACKGROUND & INFORMATION

This prayer guide was birthed as a companion when the pandemic restrictions began on March 18, 2020. Today, this prayer guide has served individuals, families and churches to encourage and to help to persevere in prayer for the kingdom of God to come and for God's will to be done in these unprecedented times. Since 2022, we have embarked on this new format which we hope will be helpful as an added resource for churches to use in their onsite prayer meetings and services.



An Adaptable Prayer Guide

Feel free to adapt this prayer guide for your own use. It is available in English, Bahasa Malaysia and Chinese.



Love Gifts and Seeds

If you would like to support the work of 24-7 Prayer Asia, and sow into this ministry, you can make a gift [here](#).



To Subscribe

If you would like to subscribe to the weekly prayer guide or if you have any testimonies to share, please drop us a message to support@247prayerasia.com



Contact us

Email: support@247prayerasia.com

Boiler Room Bookings:

Petaling Jaya - Terry Law

terry.law@247prayerasia.com

Putrajaya - Josie Paul

josie.paul@247prayerasia.com



JILID 2023-53

ISU #197

AHAD, Disember 31, 2023

PANDUAN DOA MINGGUAN

EDISI MALAYSIA

BAGAIMANA MENGUNAKAN PANDUAN DOA INI

Pause

- **Berhenti sejenak** dan berdiam;

Rejoice & Reflect

- **Bersukacita**, memuji dengan Mazmur dan merenung atas Firman Tuhan;

Ask

- **Minta** dalam doa syafaat agar Allah campur tangan;

Yield

- **Serahkan** kepada kehendak-Nya dalam hidupmu.





JEDA

BERHENTI SEKETIKA

DIAMKAN DIRI SECARA SENGAJA

Luangkan masa untuk bertenang semasa anda mempersiapkan diri sebelum anda memasuki waktu doa ini. Bernafas secara mendalam, diamkan diri dan sambutlah Roh Kudus semasa anda masuk ke dalam hadirat Allah yang kudus.



RENUNGAN

MENDENGAR FIRMAN TUHAN

MEMBACA DAN MERENUNG

Perlahankan diri. Luangkan masa untuk mendengar firman Tuhan sebelum kami berbicara dengan-Nya. Apakah yang Dia katakan dari Firman-Nya? Baca, renung-renungkan dan berehatlah dalam hadirat-Nya. Marilah kami mendekatkan diri kepada Dia yang kami kasihi, kerana Tuhan terlebih dahulu mengasihi kami.

MAZMUR MINGGU INI



Mazmur 121:5-8 ^{AVB}

- 5 TUHAN ialah pemeliharamu –
TUHAN ialah naunganmu di tangan kananmu;
- 6 matahari tidak akan menyakitimu sewaktu siang,
atau bulan sewaktu malam.
- 7 TUHAN akan melindungimu daripada segala kejahatan –
Dia akan melindungi jiwamu;
- 8 TUHAN akan melindungi pemergianmu dan kepulanganmu
dari sekarang untuk selama-lamanya.



MENDENGAR FIRMAN TUHAN

FILIPPI 3:13-17 ^{AVB}

CUBA MENDAPATKAN SEGALA YANG DI HADAPAN

13 Saudara-saudara, aku tidak menganggap diriku telah dapat mengambilnya, tetapi satu perkara kulakukan: Melupakan segala yang di belakang dan cuba mendapatkan segala yang di hadapan, **14** aku terus berusaha ke arah matlamat mendapatkan ganjaran, iaitu panggilan Allah ke syurga dalam Kristus Yesus. **15** Oleh itu, semua yang matang antara kita hendaklah berfikiran sedemikian, dan jika berbeza fikiranmu dalam apa pun, Allah akan menyatakan hal itu juga kepadamu. **16** Tetapi setakat yang telah kita capai, marilah kita menempuhnya demikian juga. **17** Saudara-saudara, bersatulah menurut teladanku, dan perhatikan mereka yang hidup selaras dengan teladan yang kami berikan.



MAJU DI DALAM PANGGILAN KRISTUS

Kata-kata Paulus tetap benar merentas masa, dan memahami semua cabaran dan cita-cita setiap orang yang percaya. Dia menekankan kepentingan untuk melupakan pencapaian ataupun kegagalan dulu, tetapi menumpukan perhatian untuk maju di dalam Kristus. Ini merupakan panggilan untuk matang secara rohani, jangan senang puas hati, dan dengan sedaya upaya memenuhi panggilan Allah di dalam Yesus Kristus. Ia sangat senang untuk dibebankan oleh kegagalan silam ataupun berbangga dengan pencapaian yang dahulu. Namun, Paulus menggalakkan kita untuk bersikap terus maju, mengejar kematangan rohani dengan tekun. Kita digalakkan untuk meneladani mereka yang setia dengan ajaran Kristus, menjadi contoh kepada orang lain. Semoga kita menerima inspirasi dari kesetiaan Paulus dan komitmennya akan panggilan Allah. Semoga mata kita tertuju akan Kristus dan berusaha mengenal-Nya dengan lebih mendalam lagi, menyerupai-Nya, dan mengubahkan hidup orang lain dengan kasih-Nya.



DOA KOMITMEN

**Aku mengangkat
mataku ke bukit -
dari manakah
datangnya
pertolongan
untukku?**

**Pertolongan
untukku datang
daripada TUHAN,
yang menjadikan
langit dan bumi.**

Mazmur 121:1-2 AVB

Tuhan yang penuh kasih karunia, sewaktu kami renungkan kata-kata rasul Paulus, kami diperingatkan untuk terus setia di dalam perjalanan iman masing-masing, berusaha akan kematangan rohani dan perhubungan yang lebih erat dengan-Mu. Kami mengakui bahawa kami masih belum sempurna, tetapi kami bertekad untuk mentaati semua yang Engkau telah sediakan untuk kami. Tolonglah kami, Tuhan, untuk melepaskan semua beban peribadi-kegagalan serta pencapaian. Berilah kami keberanian untuk maju, meninggalkan semua yang menghalang kami. Semoga kami bertumpukan Engkau di dalam segala hal. Apabila kami renungkan hal ini, kami menyerahkan tahun yang akan datang kepada-Mu. Semoga hidup kami menjadi kesaksian akan kebaikan dan kasih karunia Engkau. Tolonglah kami terus berusaha akan semua yang Engkau telah sediakan, agar kami memuliakan Engkau di dalam segala hal. Di dalam nama Yesus, Amin.



MENYEMBAH

PUJIAN & KESYUKURAN

**Bangkitlah,
bersinarlah,
kerana
terangmu sudah
datang dan
kemuliaan
TUHAN terbit
atasmu.**

Yesaya 60:1 AVB

Allah yang penuh kasih karunia, kami berada di ambang tahun baru, dan hati kami berkelimpahan dengan kesyukuran. Kami berterima kasih akan kesetiaan Engkau yang telah menemani kami sepanjang tahun ini. Kami memuji Engkau kerana Engkaulah sumber kekuatan serta pemimpin kami. Tuhan, sewaktu kami renungkan semua yang telah berlaku pada tahun ini, kami diingatkan akan kasih-Mu yang tidak pernah gagal, kasih karunia-Mu yang terus menguatkan kami, dan belas kasihan-Mu yang tidak berkesudahan. Kami bersujud di depan-Mu dan mengakui bahawa Engkau berdaulat atas hidup kami. Kami meninggikan suara kami di dalam pujian kerana hanya Engkaulah yang layak menerima segala hormat, kemuliaan, dan pujian. Dengan hati yang bersyukur, kami menyerahkan zaman silam, waktu sekarang, dan waktu depan kami ke dalam tangan Engkau. Di dalam nama Yesus, Amin.

Cadangan Lagu Pembukaan

SETIAMU TUHANKU TIADA BERTARA

1 SetiaMu Tuhanku tiada bertara
Di kala suka di saat gelap
KasihMu Allahku tidak berubah
Kaulah pelindung abadi tetap

**SetiaMu Tuhanku mengharu hatiku
Setiap pagi bertambah jelas
Yang kuperlukan tetap Kau berikan
Sehingga aku pun puas lelah**

2 Ampunan dosaku damai abadi
KehadiranMu dan bimbinganMu
Kini kekuatan dan besok harapan
Hujan berkat Kau beri padaku



[Pautan YouTube](#)


BERMINTA

DOA SYAFAAT

Inilah masa untuk Meminta, Mencari dan Mengetuk.

Pakailah perkataan sendiri sewaktu berdoa sambil berhenti sejenak apabila merenungkan cadangan doa berikut sebagai panduan doa anda yang boleh membantu membina keyakinan diri dalam kehidupan doa peribadi anda – dalam mengejar hadirat Allah, secara peribadi dan secara kumpulan. Doakan kurnia Roh Kudus agar anda dapat melayani Dia melalui semua kurnia Roh-Nya.

Anda bebas memilih perkara doa serta menambah atau menukar perkataan dalam senarai doa ini.



1. PEMULIHAN NEGARA

"Lalu umat-Ku, yang dipanggil atas nama-Ku, merendahkan diri, berdoa, mencari wajah-Ku, dan berpaling daripada jalan mereka yang jahat, maka Aku akan mendengar dari syurga, mengampunkan dosa mereka serta memulihkan negeri mereka." - 2 Tawarikh 7:14 AVB

NYATAKAN KEMENANGAN KRISTUS

- Kita terus menyatakan kemenangan dalam Nama Yesus yang perkasa atas alam rohani, dengan kekuasaan Dia di bumi dan di syurga, atas setiap rancangan dan cita-cita peribadi, atas setiap perbuatan dan kubu kuat serta perbuatan untuk menghalang kerja pembaharuan Injil di negara ini.
- Doakan Putera Damai akan bertakhta dan menghalang sebarang rancangan dan perbuatan jahat baru.
- Doakan penyembuhan atas negara kita yang berpecah-belah oleh kerana cara berpolitik yang terpesong berdekad-dekad ini, yang telah mengakibatkan polarisasi perkauman dan agama yang mendalam.

NYATAKAN KEDAMAIAN ATAS MALAYSIA

- Berkatilah Raja-Raja, Perdana Menteri dan menteri-menteri di dalam Kabinet Persekutuan. Doakan hikmat untuk kerajaan perpaduan agar mereka memimpin negara ini dengan baik.
- Doakan kedamaian atas Malaysia, atas bandar dan kampung anda, serta komuniti dan jiran-jiran anda.
- Doakan kedamaian dan pemulihan atas masyarakat yang telah berpecah-belah dan patah semangat.
- Tekun berdoa agar Injil dapat mengubah budaya dan negara ini.

MENCARI HIKMAT ALLAH

- Doakan agar para pemimpin diberkati dengan hikmat dan kearifan ilahi dalam segala hal. Doakan pemikiran yang jelas dan jiwa yang memahami kerumitan peranan masing-masing.
- Doakan para pemimpin untuk mengikuti prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan di dalam dasar-dasar, perbuatan, dan interaksi mereka, serta peka akan keperluan semua orang dengan penuh keadilan, belas kasihan, dan kesaksamaan di dalam pentadbiran.
- Doakan keputusan mereka akan selari dengan kasih, kebaikan, dan keadilan Allah.

2. KESELAMATAN & STABILITI KEBANGSAAN

"Melainkan TUHAN mendirikan rumah, sia-sialah tenaga orang yang membinanya. Melainkan TUHAN menjaga kota, sia-sialah pengawal berjaga malam." - Mazmur 127:1 AVB



KESELAMATAN NASIONAL

- Memandangkan Perdana Menteri terus menyokong kumpulan pengganas Hamas, doakan Allah akan memelihara negara kita yang berhadapan dengan risiko radikalisme dan ekstremisme.
- Doakan kepekaan di gereja-gereja, pusat membeli belah, dan kawasan awam. Doakan pasukan keselamatan akan peka terutamanya pada musim Krismas ini.



ROMBAKAN KABINET

- Kita bersyukur atas rombakan yang telah membawa perubahan besar kepada Kabinet.
- Berdoa agar rombakan ini dapat membantu mengukuhkan kerajaan dan memastikan penyampaian perkhidmatan dan dasar akan berkesan.
- Berdoa untuk pembaharuan politik yang sangat diperlukan untuk kestabilan masa depan negara ini.



PENYEMAKAN SKEMA PENCEN KERAJAAN

- Doakan agar 1 juta pesara akan menerima pencen baru mereka secepat mungkin.
- Mahkamah Persekutuan telah memutuskan pada Jun ini bahawa sebarang perubahan akan Akta Pencen pada 2013 tidak sah kerana telah melanggar peruntukan perlembagaan bahawa sebarang skema pencen baru tidak boleh kurang daripada yang terdahulu.



PENCEROBOHAN DATA & SEKURITI SIBER

- Doakan usaha yang lebih untuk menangani kelemahan di dalam keselamatan siber kebangsaan memandangkan godaman SOCSO baru-baru ini, di mana data peribadi mungkin telah dicuri.
- Doakan tindakan yang cepat dan berkesan akan diambil memandangkan kes-kes terdahulu, serta penipuan akaun bank orang awam yang berleluasa.

3. KEMENTERIAN-KEMENTERIAN

"Tanpa hidayah, rakyat tidak terkendali, tetapi berbahagialah orang yang berpegang teguh pada Hukum Taurat." - Amsal 29:18 AVB



PELANCONGAN

- Doakan kebijaksanaan untuk para pemimpin kementerian agar memastikan alam semulajadi, budaya, dan komuniti tidak terkesan oleh kemajuan.
- Doakan rancangan dan inisiatif akan mengutamakan kebaikan negara, serta memastikan pelancongan membuat sumbangan positif kepada perkembangan ekonomi sambil mengekalkan keindahan semulajadi dan warisan budaya Malaysia.



BELIA & SUKAN

- Doakan menteri dan para pemimpin utama akan menerima hikmat dan wawasan untuk melancarkan pelbagai program dan inisiatif yang memperkasakan golongan belia, melengkapi mereka dari segi pendidikan, kebolehan, dan pembinaan watak.
- Doakan inisiatif-inisiatif sukan dan usaha untuk menggalakkan perpaduan, kerjasama, dan corak hidup yang sihat di kalangan belia sebagai bakal pemimpin negara.



PENDIDIKAN

- Doakan Kementerian Pendidikan yang berkuatkuasa atas pendidikan tahap rendah dan sekolah menengah.
- Doakan reformasi dan perubahan di dalam perkembangan kurikulum, pengurusan sekolah, latihan guru, dan dasar-dasar pendidikan untuk pelajar sehingga umur 17 tahun ataupun menamatkan pelajaran pada tahap sekolah menengah.
- Doakan tumpuan baru atas pendidikan yang berkualiti.



PENDIDIKAN TINGGI

- Doakan Kementerian Pendidikan Tinggi (MOHE) yang bertanggungjawab atas institusi pendidikan tertiar seperti universiti, kolej, dan pusat latihan vokasional.
- Doakan penyusunan semula perkembangan pendidikan tertiar di Malaysia secara am, termasuk dasar-dasar pendidikan tinggi, dana, penyelidikan, dan kualiti.

4. SABAH DAN SARAWAK

"Besi menajamkan besi, demikian juga orang menajamkan sesamanya." - Amsal 27:17 AVB



PEMULIHAN MA63

- Di bawah Perjanjian Malaysia 1963 yang merupakan perjanjian antarabangsa, Sabah dan Sarawak adalah setaraf dengan Semenanjung Malaysia di dalam pembentukan Malaysia. Namun, kedudukan ini telah terhakis untuk sekian lama. Doakan usaha pemulihan untuk hak-hak dan kuasa-kuasa yang sedang berlaku.



KUASA AUTONOMI

- Doakan Sabah dan Sarawak bebas untuk mentadbir sendiri terutamanya di dalam bidang Pendidikan, dan berkuasa sepenuhnya atas kurikulum, tenaga kerja, penilaian, pengajaran, dan suasana belajar.
- Doakan autonomi atas bahagian kesihatan, ekonomi, pendidikan, dan imigrasi akan dipulihkan.



PEMBANGUNAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DI DESA

- Doakan penambahbaikan perkhidmatan kesihatan untuk mereka yang tinggal di pedalaman dan mengalami kesukaran untuk berjalan semata-mata menerima rawatan untuk kesihatan mereka.
- Doakan lebih ramai lagi profesional kesihatan rela ditempatkan di Sabah dan Sarawak untuk melayani penduduk di sana.



PERWAKILAN ADIL & SAKSAMA

- Doakan jumlah perwakilan dan peluang yang mencukupi untuk Orang Asal di Sabah dan Sarawak, terutamanya di dalam politik dan jabatan awam, termasuk jawatan awam, pertahanan, dan pendidikan.
- Doakan kebebasan agama akan dipulihkan.

5. DOA UNTUK NEGERI: SG4

Orangmu akan membina semula tempat-tempat yang sudah lama rosak. Engkau akan menegakkan semula asas yang sudah turun-temurun, dan engkau akan disebut pembalik yang menutup lubang-lubang tembok, pemulih yang memperbaiki lorong-lorong tempat kediaman. - Yesaya 58:12 AVB



- Setelah pilihanraya negeri baru-baru ini, kerajaan-kerajaan negeri Perlis, Kedah, Kelantan, dan Terengganu menubuhkan kumpulan SG4, yang melambangkan 4 buah kerajaan negeri yang berada di bawah pemerintahan Perikatan Nasional (PN), yang sekarang menjadi pihak pembangkang.
- Kawasan SG4 sentiasa ditinggalkan dari segi pembangunan ekonomi, infrastruktur, dan indikasi sosial. Tujuan utama untuk pergabungan politik ini adalah untuk menunjukkan kebolehan pentadbiran mereka dengan visi untuk mewujudkan ekonomi yang mantap dan kukuh, serta mempamerkan kebolehan masing-masing dan mengambil alih Kejaraan Persekutuan di dalam PRU16 pada tahun 2027.
- Doakan para pemimpin SG4, terutamanya Dr Mahathir Mohamad, sewaktu mereka berusaha membangunkan ekonomi dan aspek sosial keempat-empat buah negeri. Doakan agar mereka akan bertindak dengan amanah, saksama, dan belas kasihan untuk rakyat.
- Doakan perlindungan dan kedamaian Allah untuk rakyat di SG4, terutamanya mereka yang berhadapan dengan kemiskinan, penindasan, atau diskriminasi. Doakan mereka dapat mengalami kasih dan anugerah Allah di dalam hidup mereka, serta mencari harapan dan sukacita di dalam-Nya.
- Doakan misi dan kerajaan Allah untuk terus berkembang di SG4, terutamanya di kalangan yang belum dijangkau ataupun dipinggirkan. Doakan Allah akan membangkitkan saksi-saksi untuk Injil-Nya yang setia dan berhasil di dalam setiap lapisan masyarakat. Doakan Allah akan menyatukan umat-Nya dari pelbagai budaya, kaum, dan denominasi.

6. FOKUS BANGSA: ORANG ASLI

"Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?" - Mikha 6:8 AVB



- Doakan jemaat-jemaat Orang Asli akan terus diperkasakan dan didorong semasa musim Krismas ini. Doakan mereka akan lebih matang dan berani untuk menginjil di kalangan suku mereka.
- Doakan para pastor dan pekerja di kalangan Orang Asli yang tetap melayan dengan setia untuk menolong mereka bertumbuh matang secara rohani. Doakan perpaduan di antara para pekerja, agar mereka akan berkongsi tenaga serta bekerjasama dalam kasih.
- Berdoa untuk lebih ramai pekerja dan pemimpin rohani yang diurapi untuk bangkit di kalangan suku-suku Orang Asli.
- Doakan masyarakat Orang Asli untuk dibebaskan daripada kepercayaan tradisi dan animisme, agar mereka menerima Yesus Kristus sebagai Juruselamat peribadi mereka. Doakan transformasi budaya dan norma Orang Asli, agar mereka dibebaskan dan mengalami kebebasan di dalam Kristus.
- Doakan keadilan untuk Orang Asli, agar hak mereka atas tanah dan cara hidup mereka akan diakui dan dipelihara.
- Doakan 137 orang dari suku Bateq Mayah di Pahang yang menentang penukaran agama secara paksaan di mahkamah. Doakan rayuan yang akan difailkan.

7. UNDANG-UNDANG YANG BENAR DAN SALEH —

"Sebaliknya, biarlah keadilan bergulung-gulung seperti air dan perbenaran seperti sungai yang selalu mengalir." - Amos 5:24 AVB



MEMBERKATI PEMERINTAHAN BERAJA

- Berkatilah Agong kita atas ucapan Tuanku kepada umat Kristian serta menjadi teladan semangat perpaduan dan muhibbah.
- Doakan berkat Allah yang berkelimpahan atas Tuanku, keluarga Tuanku, dan pemerintahan Tuanku. Berkati Tuanku dengan hikmat dan kekuatan untuk memenuhi tanggungjawab dan tugas Tuanku.



ISU KALIMAH "ALLAH"

- Teruskan berdoa untuk penggunaan "Allah" oleh penganut Kristian Sabah dan Sarawak, dan juga kaum Sikh. Marilah kita membawa perkara ini kepada Tuhan dalam doa, dan memohon campur tangan Tuhan agar kebebasan beragama dihormati.



KETUA HAKIM MALAYA YANG BARU

- Hakim-hakim Nallini Pathmanathan, Zabariah Yusof dan Hasnah Hashim adalah 3 daripada 7 hakim Mahkamah Persekutuan yang telah dikenal pasti sebagai pelapis untuk menjadi Hakim Besar Malaya (CJM) seterusnya, jawatan kehakiman ketiga tertinggi di negara ini. Doakan perlantikan hakim baru yang berkebolehan dan bijaksana.



MEMPERTAHANKAN PERLEMBAGAAN

- Doakan Badan Kehakiman akan mempertahankan doktrin struktur asas Perlembagaan Persekutuan dari sebarang usaha untuk melemahkan atau melanggarnya, agar ia tetap **menegakkan prinsip-prinsip asas**, kebebasan dan hak-hak asasi yang termaktub.

8. PENDIDIKAN, BELIA & KANAK-KANAK

"Kepada keempat-empat orang muda itu Allah mengurniakan pengetahuan dan kemahiran tentang berbagai-bagai tulisan dan ilmu sementara Daniel sendiri dapat memahami berbagai-bagai penglihatan dan mimpi." - Daniel 1:17 AVB



SEKOLAH MUBALIGH

- Doakan sekolah-sekolah mubaligh dapat kembali ke akar umbi mereka - etos, tradisi, dan peribadi, untuk memainkan peranan yang berkesan secara pro-aktif dengan memberkati Malaysia dan meningkatkan kualiti pendidikan.
- Doakan lebih ramai lagi akan melihat pendidikan sebagai ladang misi yang penting.
- "Pendidikan merupakan senjata yang paling berkuasa untuk mengubah dunia." - Nelson Mandela



KEBAJIKAN KANAK-KANAK

- Doakan semua kanak-kanak di Malaysia untuk dilindungi, termasuk yang bukan warganegara agar mereka dapat menerima pendidikan, penjagaan kesihatan, dan perlindungan yang sewajarnya.
- "Prinsip moral sesebuah masyarakat boleh dikenali melalui cara kanak-kanak dilayan." - Dietrich Bonhoeffer



KANAK-KANAK YANG TIDAK BERNEGARA

- Doakan perlindungan dan pertolongan Allah untuk kanak-kanak dan dewasa yang tidak bernegara.
- Doakan hikmat dan belas kasihan supaya kerajaan dan semua pihak yang terlibat dapat menyelesaikan masalah ini.
- Doakan usaha pelbagai organisasi yang menolong golongan ini, agar mereka diberkati dengan kekuatan dan segala keperluan.



HAPUSKAN KAHWIN BAWAH UMUR

- Doakan kerajaan akan mempunyai kehendak politik untuk hapuskan perkahwinan bawah umur di setiap negeri.
- Doakan kesedaran di kalangan masyarakat untuk mengubah pola pemikiran mereka.
- Doakan perlindungan gadis-gadis muda daripada penganiayaan terutama mereka yang berlatarbelakang miskin dan pelarian.

9. PANTAUAN ATAS KESIHATAN AWAM

"Aku berdoa semoga kamu berada dalam keadaan sejahtera serta sihat jasmanimu sebagaimana rohanimu berbahagia." - 3 Yohanes 2 AVB



KESEDARAN KESIHATAN MENTAL

- Baru-baru ini, seorang lelaki dijatuhkan hukuman penjara selama 16 tahun kerana telah membunuh orang lain kerana kemarahannya di jalan raya. Doakan semua pengguna jalan raya yang menghadapi tekanan setiap hari oleh kerana kesesakan jalan raya akan dirawat dengan sewajarnya.
- Doakan mereka yang menghadapi cabaran kesihatan mental dapat mencari pertolongan, pemulihan, dan sokongan.



PENINGKATAN KES COVID

- Doakan pihak awam akan terus berjaga-jaga memandangkan peningkatan kes Covid di mana banyak kes tidak dilaporkan.
- Doakan pihak berkuasa kesihatan akan terus peka dan bersedia.
- Doakan perlindungan dari penyakit batuk kering, varian Covid baru, demam denggi, batuk kokol, dan Influenza A.



REFORMASI PENJAGAAN KESIHATAN

- Doakan kehendak politik untuk reformasikan sistem kesihatan awam Malaysia.
- Doakan kesejahteraan pekerja kesihatan awam serta mengutamakan katil di hospital awam yang mencukupi.
- Doakan keselamatan pesakit, rawatan yang sewajarnya serta diagnosis secepat mungkin akan diberi, terutamanya di dalam unit-unit kecemasan dan trauma.



MASALAH SEKTOR AWAM

PERUBATAN KESIHATAN

- Doakan reformasi kesihatan awam akan berlaku untuk menguatkan dan memperkasakan sistem kesihatan negara, serta mengurangkan tanggungan atas Pharmaniaga, satu-satunya syarikat yang menjadi pembekal ubat dan bekalan perubatan kepada hospital kerajaan.

10. PEMBAHARUAN GEREJA

"Biarlah damai Kristus menguasai hatimu. Kamu telah dipanggil untuk mendapat damai itu dalam satu tubuh. Kamu haruslah bersyukur." - Kolose 3:15 AVB



GEREJA YANG BERTAUBAT

- Doakan jiwa dan minda yang diperbaharui dengan kerinduan Firman Allah serta ketaatan kepada-Nya.
- Doakan pembaharuan rohani di dalam khotbah dan kehidupan rohani kita.
- Doakan kasih kurnia untuk mengenal dosa serta pertaubatan setiap hari.



GEREJA YANG BERDAMAI

- Doakan umat Kristian akan saling mengasihi dengan mendalam, sedia saling mengampuni sepertimana Allah telah mengampuni kita.
- Doakan kerendahan hati untuk berdamai dan bersatu.
- Berkatilah mereka yang berdamai agar mereka dipenuhi hikmat.



GEREJA YANG BERTUMBUH

- Doakan semangat untuk memuridkan semua bangsa.
- Doakan agar Tuhan akan mengutuskan para penuai. Doakan perintis gereja baru.
- Doakan kuasa Roh Kudus untuk memberitakan Injil ke seluruh dunia dengan berani di mana sahaja kita berada.



GEREJA YANG BERDAYA TAHAN

- Doakan kekuatan untuk mengatasi semua cabaran dan halangan sewaktu mengikuti Yesus, serta keberanian untuk berdiri teguh di dalam iman sambil menyatakan kebenaran di dalam kasih.
- Doakan kesetiaan sewaktu berdepan dengan penganiayaan dan ancaman.



GEREJA YANG SENTIASA BERBELAS KASIHAN

- Doakan kepekaan kepada keperluan orang lain serta jiwa yang berbelas kasihan untuk menolong mereka, terutamanya golongan berusia di dalam era digital.
- Doakan keberanian untuk menjadi alat Allah merawat mereka yang sakit.

11. MENJANGKAU YANG SESAT, SAKIT, DAN DIPINGGIRKAN

Kerana seluruh hukum Taurat terlaksana dalam satu ayat: "Kasihilah sesama manusia sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri." - Galatia 5:14 AVB



DOA-UNTUK-7

- Doakan Roh Kudus akan memberi kita nama 7 orang kawan, keluarga dan rakan sekerja untuk mengetahui Kristus sebagai Juruselamat dan Tuhan peribadi mereka.
- Doakan peluang kongsi Injil dengan mereka.



CAMPURTANGAN TUHAN

- Mintalah hati yang berubah untuk mengasihi sebagaimana Yesus mengasihi.
- Doakan peluang dan campur tangan ilahi untuk perkongsian Injil.
- Doakan kepekaan untuk mengikuti gerakan Roh Kudus.



PENYEMBUHAN BAGI MEREKA YANG SAKIT

- Doakan agar Tuhan akan menyembuhkan mereka yang sakit.
- Doakan mereka yang mengalami cabaran kesihatan mental.
- Berdoalah untuk kesembuhan pastor-pastor dan pemimpin-pemimpin yang sakit.
- Doakan penjaga-penjaga pesakit akan dikuatkan dalam pelayanan mereka.



PELARIAN, MIGRAN DAN PELAJAR ASING

- Kami bersyukur kerana ramai pelajar asing, pendatang dan pelarian telah diselamatkan di Malaysia. Doakan pelayanan yang makin berbuah dan lebih ramai pekerja ladang diutuskan untuk memuridkan mereka.
- Berdoa agar pelarian dilindungi daripada eksploitasi dan layanan yang tidak berperikemanusiaan.

12. PELAYANAN PENJARA & PEMULIHAN

Kerana Aku lapar dan kamu memberi-Ku makanan; Aku dahaga dan kamu memberi-Ku minuman; Aku orang asing dan kamu menerima-Ku masuk ke rumahmu; Aku tidak berpakaian dan kamu memberi-Ku pakaian; Aku sakit dan kamu melawat-Ku; Aku di dalam penjara dan kamu datang kepada-Ku.' - Matius 25:35-36 AVB



GEREJA DI DALAM PENJARA

- Doakan pertumbuhan komuniti dan pastor-pastor Kristian di dalam penjara-penjara yang akan menjadi saksi penting akan kuasa transformasi Injil.
- Doakan kecekalan dan keberhasilan organisasi Kristian, gereja-gereja, dan sukarelawan yang melayan.
- Doakan lebih ramai banduan akan bangkit sebagai pemimpin rohani.



KESESAKAN DI PENJARA

- Kami bersyukur atas doa yang dimakbulkan. Cadangan undang-undang baru yang melibatkan penyalahgunaan dadah secara kecil-kecilan sebagai kesalahan kecil akan menolong mengurangkan kesesakan di dalam penjara dan memberi pengguna dadah yang disabitkan kesalahan permulaan baru kerana melalui pemulihan dan bukan penjara.
- Berdoa agar lebih banyak peluang dibuka untuk pelayan di dalam penjara.



KESATUAN DALAM PELAYANAN

- Doakan pelan yang berkesan supaya pelayan di semua 39 buah penjara di Malaysia akan berjalan dengan lancar.
- Doakan lebih banyak gereja akan terlibat secara langsung untuk memberi sokongan dan penjagaan komuniti.
- Doakan kesatuan dan kerjasama untuk pelayan Jaringan Penjaran Kristian Kebangsaan yang baru ditubuhkan.



PASANGAN & KELUARGA

- Doakan keluarga-keluarga banduan dapat mengampuni mereka dan pemulihan terjadi.
- Doakan golongan pasangan, kanak-kanak, dan ahli keluarga yang rasa mereka juga 'terhukum', dan berasa sunyi dan terabai. Doakan pelbagai pelayan untuk menjalinkan perdamaian dan pertolongan praktikal.

13. KEHIDUPAN KELUARGA

"Kasih hendaklah bersih daripada pura-pura. Bencilah kejahatan. Berpeganglah kepada kebaikan." - Roma 12:9 AVB



PERKAHWINAN

- Doakan perkahwinan yang kuat dan bahagia, di mana suami menunjukkan pemahaman dan menghormati isteri dia, kerana kedua-dua mereka merupakan rakan pewaris yang sama-sama menerima kasih kurnia hidup, agar "doamu kepada Allah tidak akan terhalang." - 1 Pet 3:7



KAUM BELIA & DEWASA MUDA

- Doakan atas para belia dan dewasa muda agar mereka akan membesar di dalam iman dan menjadi kuat di dalam Tuhan. *"Jangan biarkan sesiapa menghinau kerana usiamu yang muda. Jadikan dirimu teladan kepada semua orang beriman dari segi kata-kata, kelakuan, kasih, iman dan kesucian."* - 1 Tim 4:12



KANAK-KANAK

- Doakan perlindungan ilahi atas kanak-kanak, terutamanya pengaruh dan budaya dunia digital.
- Doakan mereka akan bertumbuh dengan matang dalam iman dan kebijaksanaan, seperti di dalam Lukas 2:52, "Yesus semakin membesar dan bijaksana. Dia diredai Allah dan manusia."



KELUARGA

- Doakan golongan bapa akan memimpin keluarga mereka dengan meneladani Kristus.
- Doakan ibubapa meneladani Kristus dalam segala aspek untuk anak-anak mereka, serta menjadi contoh positif di dalam keluarga dan komuniti.
- Doakan semua perhubungan di dalam keluarga akan mesra dan bahagia.



DIRI SENDIRI

- Berdoa untuk diri sendiri menjadi duta Kristus yang setia, berhati tulus dan suci, tekun berdoa dan mendalami Firman Tuhan sentiasa.
- Doakan agar kita akan tetap kudus dan benar agar doa kita berkesan dan berkuasa.

14. ASIA DAN DUNIA

"Bangsa-bangsa akan datang kepada terangmu, dan raja-raja kepada cahaya yang terbit bagimu." - Yesaya 60:3 AVB



ISRAEL

- Berdoalah untuk kesejahteraan Yerusalem. (Mazmur 122:6-9)
- Doakan tebusan-tebusan yang ditahan di Gaza akan selamat pulang.
- Berdoa agar Tuhan campur tangan dalam rancangan jahat pembunuhan dan keganasan dari semua pihak, termasuk Hamas, Hizbullah dan Iran.
- Doakan keganasan akan berakhir, serta penyelesaian secara aman dan belas kasihan di dalam situasi sulit Gaza.



PALESTIN

- Doakanlah agar kedua-dua pihak Israel dan Palestin akan bertemu dengan Raja Damai, kerana melalui Dia sahajalah apa-apa perdamaian yang bermakna akan dicapai.
- Ramai rakyat Palestin direkrut oleh kumpulan Islam yang radikal dan ganas. Berdoa untuk setiap keluarga Palestin agar mereka mendengar dan melihat Injil Yesus Kristus.
- Berdoa agar gereja di Palestin tabah walaupun dalam keadaan yang sukar.



PERJALANAN SELAMAT

- Doakan perjalanan yang selamat pada cuti Krismas tahun ini.
- Doakan perlindungan dan kedamaian ilahi atas semua lapangan terbang, penerbangan, lebuhraya, dan kawasan awam seperti pusat membeli-belah. Doakan Tuhan akan melindungi semua orang dari sebarang ancaman.
- Doakan pertemuan yang penuh sukacita dengan keluarga dan rakan-rakan.
- Doakan mereka yang bersendirian dan kekurangan dapat mengalami persekutuan yang penuh sukacita dengan umat Allah.



MYANMAR

- Perang saudara Myanmar dilaporkan berada di "titik tolak" selepas beberapa siri kekalahan junta tentera. Junta mungkin runtuh dan negara boleh menjadi huru-hara apabila puak-puak bersaing untuk mengawal pengedaran dadah yang menguntungkan. Namun, PBB juga telah melaporkan peningkatan dalam penanaman candu.
- Marilah kita terus doakan campur tangan ilahi untuk membawa keamanan kepada negara ini yang dilanda peperangan.




DOA SPONTAN & KESYUKURAN

**Tambahlah doa dan
kesyukuran sendiri**

"Bangkitlah, bersinarlah, kerana terangmu sudah datang dan kemuliaan TUHAN terbit atasmu. Sesungguhnya, kegelapan menutupi bumi dan kelam pekat menutupi bangsa-bangsa, tetapi TUHAN akan menyinari engkau dan kemuliaan-Nya akan menjadi nyata bagimu."


Yesaya 60:1-2 AVB

Biar Roh Kudus memimpin anda untuk mendoakan hal-hal lain yang muncul dalam hati anda pada musim ini, terutamanya hal yang berkait dengan negara kita, serta hal-hal lain yang membebankan hati anda sekarang. Bersyukur juga atas doa yang dimakbulkan.



MENYERAH DIRI

Semasa kita mengakhiri masa syafaat ini, marilah kita menyerah sepenuhnya kepada kehendak Bapa Syurgawi kami untuk semua yang telah kita doakan, agar di mana sahaja Dia menempatkan kita, kita yang telah diberkati akan menjadi berkat kepada yang lain.



DOA PENUTUP

Mari kami menyatakan kedatangan Kerajaan-Nya

DOA BAPA KAMI

Ya Bapa kami yang di syurga,
sucilah nama-Mu.
Datanglah kerajaan-Mu.
Terlaksanalah kehendak-Mu
di bumi sebagaimana di syurga.
Berilah kami makanan untuk hari ini.
Ampunkanlah kesalahan kami
sebagaimana kami mengampuni mereka yang
bersalah terhadap kami.
Janganlah biarkan kami tergoda,
tetapi selamatkanlah kami daripada yang jahat.
Engkaulah yang empunya kerajaan, kekuasaan
dan kemuliaan selama-lamanya. **AMIN.**

Matius 6:9-13 AVB

KEBAIKANMU TUHAN

1 Ku cinta Kau
Rahmat Mu nyata bagiku
Hidupku di dalam tanganMu
Sejak pagi ku terbangun
Sampai ku terbaring
Kunyanyi kebaikanMu Tuhan

**Sepanjang hidupku Kau setia
Sepanjang hidupku Kau sangat baik
Nafasku memuliakanMu
Kunyanyi kebaikanMu Tuhan**

2 SuaraMu tuntunku lewati api
Dalam gelap Kau ada bagiku
Ku tau sungguh
Kau Bapaku Dan sahabatku
Kusaksikan kebaikanMu Tuhan

*KebaikanMu Tuhan berkati hidupku
KebaikanMu Tuhan sertai langkahku
Aku berserah datang menyembah
Hidupku bagiMu
KebaikanMu Tuhan berkati hidupku*



[Pautan YouTube](#)

DOA BERKAT KEBANGSAAN ATAS MALAYSIA

"Wahai manusia, engkau telah diberitahu apa yang baik. Dan apakah yang dituntut Tuhan daripadamu selain menegakkan keadilan, mencintai kesetiaan, dan hidup dengan rendah hati di hadapan Allahmu?" - **Mikha 6:8 AVB**

"Ya Allah, kasihani dan berkatilah kami dan limpahi kami dengan sinar wajah-Mu, supaya jalan-Mu diketahui di bumi ini, penyelamatan-Mu diisytiharkan kepada semua bangsa. Biar umat memuji-Mu, ya Allah; biar semua umat memuji-Mu." - **Mazmur 67:1-3 AVB**

1. **Berkati Malaysia dengan pimpinan dan keadilan ilahi.** Berikan pemimpin dan pemerintah kami kebijaksanaan dan keberanian untuk bertindak secara adil, menegakkan prinsip keadilan untuk semua orang di dalam segala hal. Semoga keadilan menjadi batu asas rakyat Malaysia.
2. **Berkati Malaysia dengan belas kasihan dan perpaduan.** Penuhi kami dengan kasih dan belas kasihan atas semua orang, sepertimana Engkau telah lakukan untuk kami. Semoga kami menghulurkan kebaikan dan pengampunan kepada semua orang, memupuk perpaduan dan kesefahaman. Kami berdoa agar Engkau menyatukan kami di dalam kasih dan perpaduan. Tolonglah kami saling menerima sesama sendiri, sebagai satu rakyat yang harmoni dan penuh kasih.
3. **Berkati Malaysia dengan kerendahan hati agar kita sentiasa bergantung kepada-Mu, ya Tuhan.** Semoga kami hidup dengan penuh rendah hati, mengakui harapan kami hanya terletak di dalam-Mu, dan mengenali nilai setiap individu di dalam masyarakat majmuk kita.
4. **Berkati Malaysia dengan berkat dan harapan yang bersinar.** Semoga berkat-Mu mengalir atas negara kami seperti hujan, memberi pemulihan kepada rakyat dan bumi ini. Curahkan belas kasihan, kebaikan, dan timbang rasa-Mu atas kami. Semoga Tuhan menyinari kami dengan wajah-Mu, sebagai tanda hadirat dan kemurahan hati-Mu, menghapuskan kegelapan dan membawa harapan serta penyembuhan atas seluruh Malaysia.
5. **Berkati Malaysia dengan menyatakan rancangan dan kuasa-Mu yang menyelamatkan.** Kuatkan kami, ya Tuhan, untuk meneladani Kristus, dan memberitakan Injil-Mu dengan berani melalui kata-kata, perbuatan, dan tindakan kami. Semoga Malaysia menjadi saksi kepada kasih-Mu, di mana keadilan, belas kasihan, dan kerendahan hati berleluasa, dan kuasa penyelamatan-Mu dilihat oleh semua bangsa.

Bapa Syurgawi, kami berdoa dengan hati terbuka dan kasih yang mendalam untuk negara kami. Semoga berkat-Mu terus mengalir di Malaysia, dan jadikan negara ini sebagai tanda harapan dan kebenaran untuk semua. Kami berdoa di dalam nama Yesus Kristus, Tuhan kita, yang indah, ajaib, dan berkuasa. Amin.



TETAPKAN HATI DALAM TUHAN


BERDIAM SECARA SENGAJA BUAT SEKETIKA, bernafas secara mendalam, berterima kasih kepada Allah atas hadirat-Nya, dan serahkan segala suatu yang anda telah doakan kepada-Nya.

"Tetapi mereka yang menanti-nantikan TUHAN akan mendapat kekuatan baru. Mereka akan terbang tinggi dengan sayap seperti burung rajawali. Mereka akan berlari dan tidak menjadi penat, mereka akan berjalan dan tidak menjadi lesu."

Yesaya 40:31 AVB

LATAR BELAKANG & MAKLUMAT

Panduan doa ini dilahirkan sebagai teman apabila sekatan pandemik bermula pada 18 Mac 2020. Hari ini, panduan doa ini telah digunakan secara individu, keluarga dan gereja juga, untuk menggalakkan dan memberkati supaya kita terus berdoa agar kerajaan Tuhan datang dan kehendak Tuhan dilaksanakan pada saat-saat yang tidak tertentu ini. Untuk tahun 2023, kami telah memulakan format baharu ini yang kami harap akan membolehkan kalian menggunakan sumber ini di gereja secara bersemuka atau dalam talian.



Panduan Doa Yang Boleh Disesuaikan

Panduan doa ini boleh disesuaikan untuk kegunaan anda sendiri. Ia boleh didapati dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina.



Pemberian Kasih dan Menyemai Benih

Jika anda ingin menyokong kerja 24-7 Doa Asia, dan menyemai dalam pelayanan ini, anda boleh memberi hadiah kasih [di sini](#).



Untuk Melanggan

Jika anda ingin melanggan panduan doa mingguan ini atau jika anda mempunyai sebarang kesaksian atau perkongsian, sila hantar mesej kepada kami ke support@247prayerasia.com



Hubungi Kami

Emel: support@247prayerasia.com
Tempahan **Bilik Doa Boiler:**
Petaling Jaya - Terry Law
terry.law@247prayerasia.com
Putrajaya - Josie Paul
josie.paul@247prayerasia.com